

Penambahan rangkaian kereta api Greater KL / Lembah Klang



• Termasuk MRT2, MRT3, LRT3 dan Subang Skypark

Penggunaan keseluruhan pengangkutan awam di Greater KL / Lembah Klang (gabungan rel dan bas)

Purata penumpang harian rel dan bas di Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang



Purata penumpang rel di Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang



Purata penumpang bas harian di Greater KL / Lembah Klang



Purata penumpang harian GoKL



Mohd Azharuddin (tengah) diiringi Ketua Polisi dan Perancangan SPAD, Dr Prodyut Dutt (kiri) dan Ketua Pegawai Operasi SPAD, Qamar Wan Noor melihat Laporan Tahunan Pengangkutan Awam Darat 2017 di Pusat Konvensyen Sime Darby, Bukit Kiara, semalam.



Sistem pengangkutan awam negara terus alami transformasi

B/H 07/03/2018 M/S 04

Pengurangan nominal satu peratus boleh dikaitkan dengan perubahan akibat pembukaan MRT 51 kilometer Laluan 1 dan peningkatan populariti e-hailing

Projek rel dalam perancangan dan pembinaan di Greater KL / Lembah Klang

Projek Landasan Kereta Api Berkembar Lembah Klang (KVDT) KTM

- ➔ Pemulihan 42km trek antara Rawang dan Salak Selatan dan Sentul dan Simpang Batu.
- ➔ Menaik taraf 16 stesen KTM serta sistem isyarat dan sistem elektrik untuk keseluruhan rangkaian.
- ➔ Kemajuan projek keseluruhan adalah 54.1 peratus pada Februari 2018
- ➔ Akan mengurangkan kemaraan untuk 7.5 minit apabila projek selesai pada akhir 2019
- ➔ **Subang Skypark** - 8.14 km, siap menjelang suku kedua 2018
- ➔ **LRT3** - 37.2km, 26 stesen dengan 10 kemudahan Park N Ride, siap menjelang 2021
- ➔ **MRT2** - 52.2km, 35 stesen dengan 17 kemudahan Park N Ride, siap menjelang 2022
- ➔ **MRT3** Circle Line - 39.1km, 24 stesen, siap pada 2025

➔ SPAD perkenal inisiatif baharu galak rakyat manfaat sistem disedia kerajaan

Oleh **Fahmy Azril Rosli**,
Nur Lela Zulkipli dan Fahmy Azril Rosli
cnews@nstp.com.my

► **Kuala Lumpur**

Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) semalam mengumumkan beberapa inisiatif baharu bagi mentransformasi sistem pengangkutan awam di Lembah Klang supaya setanding negara maju.

Perkhidmatan trem termoden menghubungkan kawasan Putrajaya dengan Cyberjaya, Bangi dan Kajang sejauh 53 kilometer (km), perkhidmatan komuter Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dari KL Sentral ke Terminal Skypark

Subang sejauh 23km, penubuhan Pusat Kecemerlangan Rel Kebangsaan (NRCOE) dan pengenalan aplikasi *Journey Planner*.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd Azharuddin Mat Sah, berkata inisiatif itu diperkenalkan sebagai usaha kerajaan menggalakkan rakyat negara ini menggunakan sistem pengangkutan awam, sekali gus mencapai sasaran 40 peratus menggunakan kemudahan itu menjelang 2030.

Beliau berkata, berdasarkan Indeks Kepuasan Pengguna (CSI), tahap kepuasan pengguna terhadap sistem pengangkutan awam negara melonjak 6 peratus daripada 84 peratus pada 2016 kepada 90 peratus pada tahun lalu.

Orang ramai berpuas hati

“Orang ramai berpuas hati terhadap perkhidmatan pengangkutan awam kerana ia beroperasi secara cekap dengan tambang berpatutan.

“Jika dilihat jumlah pengguna yang menggunakan pengangkutan awam, ia turut meningkat 3 peratus daripada 78 peratus (2016) kepada 81 peratus tahun lalu.

“Jumlah keseluruhan penumpang menggunakan perkhidmatan rel dan bas membabitkan kawasan Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang pada tahun lalu merekodkan 1,206,111 orang, meningkat 3.7 peratus daripada 1,152,717 pada 2016,” katanya pada sidang media pembentangan Laporan Tahunan Pengangkutan Awam Darat 2017 di Pusat Konvensyen Sime Darby di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Mohd Azharuddin berkata, setiap hari, purata penumpang menggunakan perkhidmatan rel dan bas merekodkan peningkatan 7.5 peratus kepada 694,057 orang pada 2017 berbanding 645,601 pada 2016.

Beliau berkata, jumlah itu disumbangkan pembukaan jajaran Aliran Transit Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang pada 17 Julai tahun lalu.

“Purata penumpang bas harian di Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang menyaksikan pengurangan nominal satu peratus disebabkan peralihan penumpang akibat pembukaan MRT laluan satu dan populariti e-hailing seperti Grab sert Uber,” katanya.



Menjadikan bas lebih relevan - Greater KL/ Lembah Klang

Perkhidmatan Bas Percuma GoKL

Inisiatif SPAD untuk menyediakan pengangkutan percuma di Kuala Lumpur menyaksikan jumlah penumpang meningkat dengan ketara 22%.

[FOTO ZULFADHLI ZULKIFLI/BH]



Trem hubungi empat kawasan

B/H 07/03/2018 M/S 05

Kuala Lumpur: Malaysia bakal memiliki sistem perkhidmatan trem yang pertama diwujudkan di sekitar Putrajaya, Cyberjaya, Bangi dan Kajang, sekali gus mengubah landskap pengangkutan awam negara setanding negara maju.

Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Mohd Azharuddin Mat Sah, berkata pihaknya mendapati sistem pengangkutan itu lebih cekap dan mesra alam sekitar, selain kos pembinaan 15 peratus lebih murah berbanding perkhidmatan monorel.

Beliau berkata, sistem trem bakal digunakan juga tidak sama seperti di San Francisco, Amerika Syarikat.

"Trem yang bakal diperkenalkan lebih baharu, moden dan senyap. Kita mengambil contoh trem di negara maju seperti Taiwan, China dan Eropah.

"Buat permulaan, trem ini akan ber-

kenaan dan kini dalam proses RFP sebelum tender dibuka.

"Selepas itu, barulah kita cadang untuk memperluaskan sistem ini secara berfasa ke negeri lain," katanya.

Tak tempuh kesesakan

Sementara itu, Mohd Azharuddin berkata, sistem perkhidmatan tren Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) menghubungkan terus Stesen KL Sentral dengan Subang Skypark akan siap dibina pada 1 Mei ini.

Beliau berkata, ia membabitkan jarak keseluruhan kira-kira 23 kilometer (km) dan memerlukan 28 minit untuk tiba di lapangan terbang itu.

Katanya, selepas ini orang ramai tidak lagi menempuh kesesakan lalu lintas kerana perkhidmatan tren bakal memudahkan pergerakan dan menjimatkan masa.

"Tren itu akan bergerak ke Lapangan Terbang Skypark setiap sejam dan berhenti di Stesen Subang Jaya

Aplikasi 'Journey Planner' dijangka siap Jun: SPAD

Kuala Lumpur: Bagi memudahkan pengguna merancang perjalanan, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) bakal memperkenalkan aplikasi 'Journey Planner' yang dijangka siap sepenuhnya pada pertengahan tahun ini.

Aplikasi berkenaan dibangunkan bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam darat berasaskan sistem data dan maklumat sedia ada.

Ketua Pegawai Eksekutif SPAD, Mohd Azharuddin Mat Sah, berkata aplikasi berkenaan turut berfungsi sebagai insentif bagi mereka yang tidak menggunakan pengangkutan awam sebelum ini supaya mencuba mod alternatif ini berbanding pengangkutan persendirian.

"Antara ciri aplikasi adalah seperti pilihan mod perjalanan yang tersedia kepada pengguna bagi perjalanan dari titik A ke B, memberikan anggaran tambang dan masa menunggu.

"Aplikasi ini juga akan menggunakan data masa sebenar da-

ripada pihak pengendali seperti Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan bas henti-henti bagi 72 laluan bas," katanya.

Papar pilihan terbaik

Selain itu, beliau berkata aplikasi berkenaan akan memaparkan pilihan terbaik untuk perjalanan individu, berdasarkan maklumat masa nyata, apabila pengguna memasukkan tempat permulaan dan destinasi akhir mereka.

"Aplikasi yang dibangunkan Bahagian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) SPAD di dalam versi Android dan iOS ini turut mendapat kerjasama daripada pengendali utama yang mengendalikan laluan pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang.

"SPAD percaya dengan bekalan maklumat masa nyata akan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sistem, membina kebolehpercayaan dan akhirnya meningkatkan perkongsian mod pengguna pengangkutan awam," katanya.



Berdasarkan Indeks Kepuasan Pengguna (CSI), tahap kepuasan pengguna terhadap

sistem pengangkutan awam negara melonjak 6 peratus daripada 84 peratus pada 2016 kepada 90 peratus pada tahun lalu”

Mohd Azharuddin Mat Sah,
Ketua Pegawai Eksekutif SPAD

operasi sejauh 53 kilometer membawa-bitkan kawasan sekitar Putrajaya, Cyberjaya, Bangi dan Kajang.

“Kita akan pastikan sistem trem ini dihubungkan dengan pengangkutan awam yang lain antaranya Transit Aliran Massa (MRT), monorel dan bas bagi memudahkan akses orang ramai,” katanya pada sidang media sesi pembentangan Laporan Tahunan Pengangkutan Awam Darat 2017 di Pusat Konvensyen Sime Darby di sini, semalam.

Mohd Azharuddin berkata, setakat ini pihaknya dalam perancangan membuka proses Permohonan Cadang-an (RFP) dalam tempoh tiga ke enam bulan lagi.

Katanya, selepas mendapat RFP yang sesuai, pihaknya akan membentangkan kertas projek itu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

“Kita sudah mengemukakan cadangan kepada kerajaan bagi projek ber-

dan berhenti di Stesen Subang Jaya sebelum menuju ke Skypark.

“Selepas itu, ia akan berhenti berdekatan Skypark dan pengguna perlu berjalan sekitar lima minit ke lapangan terbang,” katanya.

Projek Landasan Berkembar Elektrik dari Subang Jaya ke Terminal Skypark Subang adalah satu projek di bawah Kementerian Pengangkutan bagi menyediakan kemudahan pengangkutan awam berasaskan rel kepada pengguna Lapangan Terbang Skypark khususnya dan penduduk sekitar amnya.

Pembinaan Landasan Berkembar Elektrik akan mengguna pakai sistem sedia ada di Lembah Klang yang menyediakan perkhidmatan kereta api KTM Komuter.

Landasan berkembar itu bermula dari Kilometer 17.37 di Seksyen Subang Jaya - Batu Tiga sepanjang 8.157 kilometer dan berakhir di Stesen Terminal Skypark.

Fakta nombor

53 KILOMETER

jarak trem sekitar Putrajaya, Cyberjaya, Bangi dan Kajang

23 KILOMETER

jarak keseluruhan sistem perkhidmatan tren KTMB ke Stesen KL Sentral dengan Subang Skypark

BRT Sunway


Laluan sejauh 5.4 km, meliputi 7 stesen telah melihat purata penumpang harian meningkat sebanyak 34.6% daripada 5,382 kepada 7,244 pada 2017

Purata penumpang harian BRT Sunway



Panel Maklumat Hentian Bas (BSIP)

- SPAD memasang 3,257 unit papan tanda di Greater Kuala Lumpur tambahan kepada 1,290 unit yang dipasang pada 2016



- Projek BSIP menerima Anugerah Emas di bawah Pemasaran Data Pemacu untuk Anugerah Kecemerlangan Pemasaran 2017, selain tercalon sebagai finalis dalam Kecemerlangan dalam Pemasaran di bawah kategori sektor kerajaan